

# Dr. M terkejut SUPP tewas 8 kerusi

UM - 26/5/2006



**BN kena cari sebab mengapa sesetengah pemilih di negeri itu berasa kecewa**

**DR. MAHATHIR MOHAMAD**  
Bekas Perdana Menteri

**TOKYO** 25 Mei - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**) yang terkejut dengan kekalahan lapan kerusi oleh Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) pada pilihan raya negeri Sarawak minggu lepas, berkata bedah siasat perlu dibuat bagi mencari puncanya.

"BN kena cari sebab mengapa sesetengah pemilih di negeri itu berasa kecewa hingga mendorong mereka menyokong pembangkang," katanya kepada Bernama di sini pada Khamis.

Dr Mahathir berada di sini bagi memperkerusi perbincangan pada hari kedua Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-12 yang bertemakan "Masa Depan Asia" pada Jumaat.

Bekas perdana menteri itu berkata beliau menghadiri Persidangan Nikkei sejak ia mula diadakan 12 tahun lepas.

SUPP kalah lapan daripada 19 kerusi yang ditandinginya.

Parti itu hilang lima kerusi - Pending, Kota Sentosa, Padungan, Batu Lintang, Engkilili, Bukit Assek dan Meradong kepada DAP, selain gagal merampas semula Kidurong daripada parti itu (DAP), dan masing-masing satu kerusi kepada Parti Keadilan Rakyat (PKR), Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) dan calon Bebas.

- Bernama



PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
YAYASAN KEPIMPINAN PERDANA